



## SIARAN MEDIA

### KEMPEN KPKT “KATA TIDAK PADA BEG PLASTIK SEKALI GUNA” DISAMBUT HANGAT OLEH 7,601 PREMIS SELURUH NEGARA

---

**PETALING JAYA, 26 September 2024** – Kempen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) “Kata Tidak Pada Beg Plastik Sekali Guna” (“*Say No to Single Use Plastic Bag*”) telah disambut hangat oleh 7,601 premis di seluruh negara.

Kempen ini melibatkan 20 kedai serbaneka dan 7,601 premis di seluruh negara, yang telah dilancarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), di 1 Utama Shopping Centre, Petaling Jaya, Selangor, pada pagi ini.

Kempen Tiada Beg Plastik Sekali Guna ini merupakan salah satu usaha strategik KPKT bersama-sama pihak industri daripada sektor peruncitan untuk **menangani kesan negatif penggunaan plastik sekali guna khususnya beg plastik jinjit sekali guna terhadap alam sekitar dan pengurusan sisa pepejal di Malaysia**. Usaha ini juga selaras dengan hasrat negara untuk mencapai transformasi ekonomi kitaran dengan memaksimumkan kecekapan penggunaan sumber dan meminimumkan penjanaan sisa.

Kempen ini merupakan komitmen kerajaan bagi mengamalkan kaedah penggunaan dan pengeluaran yang mampan (*sustainable consumption and production*) di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Ia bertepatan dengan visi *Blueprint* Ekonomi Kitaran bagi Sisa Pepejal di Malaysia yang telah dilancarkan pada 6 Ogos 2024. Ini sekaligus menyokong usaha KPKT mencapai sasaran dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Menurut YB KM, “Plastik mengambil masa berabad lamanya untuk terurai dan sepanjang tempoh tersebut ia boleh mencemarkan tanah dan air kita serta mendatangkan risiko kepada kehidupan manusia dan haiwan. Semua pihak seperti pengguna, peruncit dan industri plastik perlu memainkan peranan dan tanggungjawab secara kolektif dalam mengurangkan

kebergantungan kepada plastik sekali guna. Alternatif **kepada beg plastik jinjit sekali guna** ialah penggunaan yang mesra alam seperti beg kain serta bekas makanan dan minuman yang boleh diguna semula perlu dipromosikan secara meluas. Ini bukan sahaja membawa manfaat kepada alam sekitar, tetapi juga membuka peluang untuk mencipta perniagaan dan inovasi hijau yang mampan.”

Industri plastik menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara saban tahun namun sisa plastik merupakan sisa kedua terbesar iaitu 13.2 peratus selepas sisa makanan sebanyak 44.5 peratus. Produk plastik khususnya plastik sekali guna merupakan produk yang tidak mampan dan menjadi cabaran besar dalam pengurusan sisa di Malaysia kerana sebahagian besarnya iaitu 85 peratus biasanya berakhir di tapak pelupusan. Senario ini bukan sahaja membebankan tapak pelupusan, malah turut menimbulkan ancaman kepada alam sekitar, kesihatan manusia dan hidupan liar.

Bersempena dengan majlis ini, YB KM turut menyampaikan Sijil Aku Janji Kata Tidak Pada Beg Plastik Sekali Guna kepada **20** wakil kedai serbaneka, yang melibatkan sebanyak **7,601** rangkaian kedai runcit di seluruh negara, yang berikrar memberikan komitmen untuk menolak penggunaan beg plastik jinjit sekali guna dalam premis perniagaan masing-masing.

Turut hadir YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Dan Persekitaran Mampan) KPKT, YBhg. Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Dan Pembangunan) KPKT dan pengurusan tertinggi KPKT dan wakil-wakil daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan.

*#MalaysiaMADANI*

*#StrongerTogether*

*#DemiPertawi*

*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

